

## KERATAN AKHBAR

|             |   |                  |                 |
|-------------|---|------------------|-----------------|
| AKHBAR      | : | BERITA HARIAN    |                 |
| TARIKH      | : | 5/11/2019        | MUKA SURAT : 43 |
| JABATAN     | : | PERHILITAN       |                 |
| KLASIFIKASI | : | <b>PERHATIAN</b> |                 |

# Bimbang tingkat konflik antara gajah, manusia

**Kinabatangan:** Pembinaan jambatan kedua Suku merentasi Sungai Kinabatangan di Kampung Suku, dekat sini dibimbangi akan meningkatkan lagi konflik antara gajah dan manusia yang sememangnya sudah menjadi isu di Sabah.

Bagi kalangan pencinta haiwan, mereka berpendapat sebarang pembangunan di kawasan Kinabatangan adalah tidak digalakkan. Mereka mendakwa ia sejajar Pelan Tindakan Gajah Borneo 2012 hingga 2016 yang diprakatakan kerajaan.

Pelan itu dikatakan sudah dinyatakan secara jelas bahawa sebarang pembangunan di kawasan Kinabatangan tidak digalakkan kerana habitat flora dan fauna di kawasan berkenaan sudah cukup terancam.

Seerti yang disebut Pengarah Projek Seratu Aatai, Dr Nurzhafarina Othman, apabila dibina jambatan, konflik manusia-gajah dibimbangi bukan saja berlaku di kawasan Suku. Ia dijangka merebak ke kawasan lain sekitar Suku termasuk Kampung Abai, Bilit dan Batu Puteh, selain lajang kelapa sawit di sekitar san-

tuari hidupan liar Kinabatangan.

Seratu Aatai adalah badan yang menumpukan usaha membantu konservasi gajah Borneo termasuk mempromosi kewujudan bersama antara manusia dan hidupan liar dengan memahami punca konflik serta mengkeji keadaan berkesan bagi menguruskan konflik.

Beliau berkata konflik bukan saja dicituskan gajah, tetapi juga kerana manusia sendiri belum



**Konflik bukan saja dicituskan gajah, tetapi juga kerana manusia**

**sendiri belum bersedia untuk berkongsi tanah dengan hidupan liar termasuk gajah Pygmy Borneo.**

**Nurzhafarina Othman, Pengarah Projek Seratu Aatai**

bersedia untuk berkongsi tanah dengan hidupan liar termasuk gajah Pygmy Borneo.

“Justeru, kita harap ada langkah lain yang diambil untuk memudahkan penduduk di kawasan berkenaan termasuk membina khintuk untuk mendapatkan penduduk sekitar” mendapatkan rawatan,” katanya kepada *BH*, di sini.

Nurzhafarina turut menjelaskan pembinaan jambatan itu juga dikhuatiri akan menjejaskan aktiviti pelancongan di Kinabatangan yang ketika ini menjadi destinasi pelancongan dari serata dunia untuk melihat hidupan liar di kawasan berkenaan.

Apabila habitat gajah dan hidupan liar lain terganggu, haiwan terbahit terpaksa mencari kawasan yang lebih jauh daripada gangguan manusia.

Selain itu, populasi gajah di Kinabatangan juga berkemungkinan terbahagi kepada dua kumpulan seperti mana apabila jambatan Batu Puteh (jambatan per-tama Suku) dibina, ia membahagikan populasi gajah Kinabatangan dan utara Kinabatangan. Gajah di Kinabatangan seka-



**Papan tanda pagar elektrik di Santuari Hidupan Liar Kinabatangan yang menjadi laluan gajah.**

rang dikatakan tidak dapat berjumpa dengan populasi gajah di bahagian utara Kinabatangan kerana dipisahkan oleh jambatan Batu Puteh. Kinabatangan me-

manag sudah sedia kecil untuk gajah dan dengan pelbagai tekanan terhadap habitat gajah, ia bukan saja beri kesan terhadap gajah, tetapi juga manusia.